



# KERAJAAN MALAYSIA

---

## **Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021**

---

**PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

**KANDUNGAN****PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021**

<b>1. Tujuan</b>	<b>3</b>
<b>2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara</b>	<b>3</b>
<b>3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021</b>	<b>5</b>
<b>4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>9</b>
<b>5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan</b>	<b>10</b>
<b>6. Aliran Tunai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021</b>	<b>13</b>
<b>7. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan</b>	<b>14</b>
<b>8. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia</b>	<b>14</b>
<b>9. Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi</b>	<b>15</b>
<b>10. Penutup</b>	<b>16</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>18-21</b>

## **PB 1.3 Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021**

### **1. Tujuan**

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan Persekutuan bagi tahun 2021.

### **2. Senario Ekonomi dan Fiskal Negara**

- 2.1 Pada tahun 2020, Malaysia dijangka berhadapan dengan risiko kemerosotan ekonomi berikutan penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan dan kejatuhan harga minyak dunia. Justeru, KDNK negara bagi tahun 2020 telah diunjur berkembang antara -2.0% hingga 0.5%<sup>1</sup>. Pada masa yang sama, KDNK dunia diunjur menguncup pada kadar -3.0%, manakala perdagangan dunia turut diunjur pada kadar -11.0% pada tahun 2020 berikutan penularan COVID-19 di seluruh dunia. Namun, KDNK dunia dijangka kembali pulih dan berkembang pada kadar 5.8% pada tahun 2021, manakala perdagangan dunia turut dijangka berkembang pada kadar 8.4% pada tahun 2021<sup>2</sup>. Pemulihan ekonomi pada tahun 2021 bergantung kepada situasi pandemik yang dijangka bertambah baik pada separuh kedua tahun 2020. Sejar dengan pemulihan aktiviti ekonomi dan perdagangan dunia tersebut, ekonomi Malaysia turut dijangka kembali pulih pada tahun 2021.
- 2.2 Selaras dengan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi, paras defisit fiskal bagi tahun 2020 dijangka meningkat daripada 3.2% kepada sekitar 5.0% berbanding KDNK. Paras defisit fiskal ini mengambil kira peningkatan perbelanjaan dan pengurangan hasil berikutan jangkakan kemelesetan ekonomi negara. Hasil Kerajaan pada tahun 2020 dianggarkan berkurang dengan ketara disebabkan oleh penurunan kutipan hasil cukai pendapatan syarikat dan hasil berkaitan petroleum berikutan unjuran KDNK yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia.
- 2.3 Namun begitu, Kerajaan akan terus komited melaksanakan langkah-langkah konsolidasi fiskal bagi memastikan kedudukan fiskal negara terus kukuh dalam jangka masa sederhana dan panjang serta paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal terkawal, iaitu tidak melebihi 55.0% daripada KDNK. Selaras dengan ini, Kerajaan sentiasa memperkenalkan langkah dan inisiatif fiskal bagi mengukuhkan kewangan awam, terutamanya melalui langkah meningkatkan tadbir urus fiskal dan reformasi institusi.

---

<sup>1</sup> Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2019, 3 April 2020

<sup>2</sup> Unjuran IMF, World Economic Outlook, April 2020

- 2.4 Pendirian fiskal Kerajaan dalam menyokong usaha konsolidasi fiskal adalah berdasarkan kepada dua tonggak utama, iaitu meningkatkan asas hasil dan memastikan kecekapan perbelanjaan awam ditumpukan kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi kepada ekonomi. Sehubungan dengan itu, langkah peningkatan hasil terus ditambah baik melalui beberapa inisiatif pembaharuan, terutamanya penambahbaikan sistem percukaian sedia ada dan meningkatkan hasil sebagai peratusan kepada KDNK, manakala kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan terus ditingkatkan melalui pengukuhan kawalan belanjawan dan penambahbaikan kaedah perolehan.
- 2.5 Selain itu, antara inisiatif fiskal yang sedang dilaksanakan adalah pengenalan Akta Kebertanggungjawaban Fiskal bertujuan memastikan pengurusan kewangan yang lebih teratur, telus dan berdisiplin. Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (*Medium-Term Fiscal Framework*-MTFF) juga terus menjadi mekanisme perancangan utama Kerajaan untuk memacu langkah konsolidasi fiskal. Rangka kerja ini menyediakan unjuran makro fiskal untuk tempoh tiga tahun dengan menetapkan sasaran dan siling untuk hasil, perbelanjaan serta defisit keseluruhan. Unjuran ini akan disemak setiap tahun secara *rolling basis* dengan mengambil kira unjuran jangka sederhana terkini hasil dan perbelanjaan serta andaian makroekonomi. Penggunaan MTFF penting untuk memastikan konsolidasi fiskal kekal pada landasan dengan meningkatkan disiplin fiskal, mengoptimumkan pengagihan sumber serta menentukan unjuran dan hala tuju belanjawan. Sehubungan dengan itu, dalam membuat perancangan perbelanjaan bagi Belanjawan 2021, semua kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/ syarikat Kerajaan perlu meneruskan langkah pengoptimuman bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan.
- 2.6 Bagi tahun 2021, Kerajaan akan terus mengambil pendekatan pengurusan perbelanjaan berdasarkan kemampuan dengan mengutamakan program dan projek yang berteraskan rakyat serta memberi kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi; pertama, mereformasi institusi, terutamanya ke arah mengukuhkan kedudukan kewangan negara; kedua, memastikan kesejahteraan rakyat serta kualiti hidup isi rumah; dan ketiga, memacu pertumbuhan ekonomi yang mapan dan dinamik melalui budaya negara keusahawanan. Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada keberhasilan dalam pelaksanaan inisiatif dan program selaras dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).
- 2.7 Melangkah ke hadapan, Kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai langkah intervensi untuk memulihkan ekonomi negara dan keyakinan pelabur serta memperkukuh pembaharuan struktur ekonomi bagi mempercepat peralihan negara ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. Penekanan akan terus diberikan terhadap merangsang industri pelancongan; memastikan kesinambungan pelaburan awam dan mempercepat pelaksanaan projek pembangunan; menarik pelaburan swasta yang berkualiti dan bernilai tambah tinggi; meningkatkan produktiviti; meluaskan peluang

pekerjaan dan memodenkan pasaran buruh; menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi, terutamanya dalam mengadaptasi Revolusi Perindustrian 4.0 dan teknologi 5G; memperkasa usahawan kecil dan sederhana; meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan serta mengutamakan penggunaan barangan tempatan akan terus diberi penekanan pada tahun 2021.

### 3. Perancangan Prestasi dan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021

- 3.1 Tahun 2021 merupakan tahun permulaan bagi RMKe-12 dan juga WKB 2030. WKB 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik wilayah dan rantai bekalan. WKB 2030 telah menetapkan 15 Prinsip Panduan yang mengambil kira pelbagai kerangka pemikiran, pandangan dan falsafah yang terangkum dalam konteks sosiobudaya masyarakat Malaysia yang unik sebagai panduan kepada penyediaan Teras Strategik dan Pemboleh Daya serta pencapaian sasaran.
- 3.2 Di bawah WKB 2030, tujuh Teras Strategik dibangunkan sebagai kunci untuk menjayakan inisiatif WKB 2030 bagi mencapai tiga objektif utama, iaitu (i) pembangunan untuk semua; (ii) menangani jurang kekayaan dan berpendapatan; dan (iii) menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu. Tujuh Teras Strategik tersebut adalah seperti berikut:
- 3.2.1 Teras Strategik I : Ekosistem Perniagaan dan Industri
  - 3.2.2 Teras Strategik II : Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)
  - 3.2.3 Teras Strategik III : Transformasi Modal Insan
  - 3.2.4 Teras Strategik IV : Pasaran Buruh dan Pampasan Pekerja
  - 3.2.5 Teras Strategik V : Kesejahteraan Sosial
  - 3.2.6 Teras Strategik VI : Keterangkuman Wilayah
  - 3.2.7 Teras Strategik VII: Modal Sosial
- 3.3 Oleh itu, kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dikehendaki merancang keutamaan projek berdasarkan hala tuju RMKe-12 dan WKB 2030. Semua perancangan program hendaklah menggunakan konsep *zero-based* bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan, iaitu (i) mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal; (ii) menyemak semula kos dan skop program/aktiviti sedia ada mengikut keutamaan; dan (iii) mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan. Penjimatan daripada semakan dan pemansuhan program/aktiviti yang telah dikenal pasti kurang berprestasi dan berkesan dalam menangani masalah pelanggan boleh digunakan bagi pelaksanaan program baharu yang lebih efisien.

- 3.4 Justeru, kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan bagi tahun 2021 hendaklah menumpukan kepada *core business* dan sumbangan kepada keutamaan nasional serta disediakan mengikut Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 mengenai Belanjawan Berasaskan Outcome dengan memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut:

#### **3.4.1 Semakan Semula Program-Aktiviti**

Program-Aktiviti sedia ada kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan perlu disemak semula dari segi sumbangan terhadap pencapaian objektif/outcome/tujuan penubuhan (*purpose in life*), kesesuaian dalam membantu menyelesaikan masalah pelanggan/rakyat atau memenuhi keperluan pemegang taruh lain selain memastikan program dan aktiviti yang dijalankan adalah berada di bawah bidang kuasa kementerian/jabatan/agensi/ badan berkanun/syarikat Kerajaan. Keputusan penilaian Program-Aktiviti hendaklah dilaporkan di dalam mesyuarat *Ministry OBB Implementation Committee* (MOIC) dan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan selepas dibincangkan di dalam mesyuarat MOIC;

#### **3.4.2 Semakan Semula Penyampaian Program**

Strategi penyampaian program perlu disemak dari segi keberkesanannya serta mengambil kira sama ada strategi tersebut boleh ditambah baik atau digantikan dengan strategi baharu. Program yang tidak lagi relevan perlu digantikan dengan program baharu yang dapat memberi impak yang lebih signifikan kepada pelanggan/rakyat. Sebarang cadangan pewujudan program baharu hendaklah mempunyai elemen penggantian (*trade off*) dengan program sedia ada. Semakan dan penilaian program sedia ada dan baharu perlulah menggunakan alat pengurusan yang bersesuaian bagi menjustifikasikan program tersebut boleh dilaksanakan. Ini bagi menggalakkan proses pembuatan keputusan berasaskan bukti (*evidence-based decision*);

#### **3.4.3 Kajian Kos dan Skop Kontrak**

Kos dan skop kontrak bagi *Locked-in Items* sedia ada dan baharu perlu diteliti bagi memastikan peruntukan disediakan hanya untuk perkara yang kritikal dan berkeutamaan serta memberi pulangan yang setimpal (*value for money*) kepada Kerajaan;

### 3.4.4 Penelitian Terhadap Kewujudan dan Fungsi Organisasi serta Perjawatan

Bagi memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan Kerajaan digunakan secara optimum, penelitian perlu dibuat terhadap kewujudan dan fungsi organisasi serta perjawatan. Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan sedia ada dengan fungsi yang tidak lagi relevan atau bertindih hendaklah dicadang untuk ditutup atau digabungkan. Perjawatan sedia ada daripada kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/ syarikat Kerajaan yang dimansuhkan perlu diagihkan semula kepada organisasi lain dengan fungsi baharu atau yang lebih memerlukan; dan

### 3.4.5 Analisis Gender

Mengambil kira perspektif dan keperluan gender secara menyeluruh dalam membuat analisa masalah/keperluan pelanggan/pemegang taruh bagi menentukan outcome dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator-KPI*). Kementerian/jabatan/ agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan perlu mengemas kini data yang berkaitan dari semasa ke semasa bagi membantu proses perancangan penyediaan belanjawan, pemantauan dan pelaporan prestasi serta penilaian program. Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan boleh merujuk kepada manual Analisis Bajet Gender di Malaysia di laman sesawang rasmi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

- 3.5 Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan perlu menyediakan kerangka keberhasilan yang merangkumi tiga (3) dokumen strategik, iaitu Ringkasan Eksekutif Kementerian (MES), Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF) dan Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF). Setiap APMF hendaklah disertakan dengan Lembaran Belanjawan Aktiviti (ABS) yang memperincikan cadangan anggaran perbelanjaan bagi mencapai keberhasilan yang dirancang.
- 3.6 Maklumat kerangka keberhasilan bagi tahun belanjawan 2020 boleh digunakan semula sebagai rujukan bagi tujuan penyediaan belanjawan 2021. Walau bagaimanapun, penambahbaikan data/maklumat bagi kerangka keberhasilan di setiap peringkat, khususnya data mengenai profil pelanggan/pemegang taruh, masalah/keperluan dan sasaran perlu disemak semula bagi disesuaikan dengan perkembangan semasa. Sekiranya tiada perubahan berlaku ke atas profil berkenaan, kenyataan outcome dan KPI sedia ada perlu **dikekalkan** dan kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dikehendaki menyemak semula sasaran prestasi bagi setiap KPI agar selaras dengan keutamaan dan perancangan tahun 2021.

- 3.7 Namun begitu, sasaran tahun 2020 yang telah dinyatakan di dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2020 perlu dikekalkan dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021. Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan juga perlu memastikan bahawa setiap sasaran yang ditetapkan di bawah OBB pada tahun 2021 adalah selaras dengan KPI yang dipantau oleh semua agensi pusat lain serta selaras dengan sasaran yang ditetapkan di dalam RMKe-12 dan WKB 2030.
- 3.8 Cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2021 hendaklah disediakan berdasarkan kerangka keberhasilan yang dipersetujui dengan memberi **penekanan** kepada perkara-perkara berikut:
- 3.8.1 keutamaan dalam melaksanakan *core business* kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan agar sejajar dengan kerangka keberhasilan yang dipersetujui;
  - 3.8.2 keperluan peruntukan lain bagi program dan dasar semasa yang telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri;
  - 3.8.3 keperluan sebenar dan keupayaan pelaksanaan kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan untuk melaksanakan program/aktiviti/projek bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan secara optimum pada tahun yang dirancang dan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran;
  - 3.8.4 tiada elemen penyaluran peruntukan ke agensi/badan berkanun kementerian/jabatan untuk disimpan atau ditindik (*parking*) bagi memastikan perbelanjaan dapat menjana dan merangsang aktiviti ekonomi pada tahun semasa. Amalan menyimpan/menindik peruntukan akan merugikan Kerajaan kerana aktiviti ekonomi tidak berkembang dan tidak memanfaatkan rakyat sedangkan Kerajaan perlu menanggung kos pembiayaan peruntukan tersebut;
  - 3.8.5 membuat perancangan perolehan tahunan (PPT) dengan teliti mengikut keutamaan bagi memastikan penyediaan peruntukan yang lebih tepat dan dapat dibelanjakan. Oleh itu, PPT berkenaan hendaklah turut mengambil kira perolehan/projek yang benar-benar sedia untuk ditender dalam tahun tersebut dan bebas daripada isu-isu yang boleh melewati proses pengiklanan tender, antaranya isu tanah, kerja-kerja perobohan dan lain-lain. Agensi juga bertanggungjawab memastikan proses Pengurusan Nilai (*Value Management*) dilaksanakan dengan lebih awal agar PPT yang disediakan dipatuhi sepenuhnya; dan



- 3.8.6 memastikan sebarang penjimatan daripada proses perolehan hendaklah diambil kira sebagai langkah mengelakkan pertambahan peruntukan secara *incremental*. PPT bagi perolehan tender hendaklah dibentang dalam Lembaga Perolehan Agensi dan diluluskan oleh Pegawai Pengawal, seterusnya dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan untuk tujuan rekod.
- 3.9 Pegawai Pengawal, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti adalah bertanggungjawab (*accountable*) ke atas maklumat prestasi dalam MES, PPMF dan APMF serta anggaran perbelanjaan yang dipohon.

#### 4. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Mengurus


- 4.1 Pegawai Pengawal hendaklah **memberi keutamaan** kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan anggaran perbelanjaan mengurus:
- 4.1.1 perbelanjaan mengikut keutamaan program yang menyumbang secara signifikan kepada outcome nasional;
  - 4.1.2 memastikan keperluan emolumen termasuk keperluan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dikira secukupnya bagi pegawai/kakitangan kontrak perkhidmatan (*contract of service*) yang dibayar di bawah Objek Am 10000/Objek Sebagai 29000;
  - 4.1.3 mengambil kira perbelanjaan komited lain, terutamanya yang berkontrak setelah semakan semula ke atas skop dan kadar dibuat serta keperluan bayaran kos kemudahan perubatan bagi pegawai dan pesara Badan Berkanun Persekutuan (BBP);
  - 4.1.4 memberi keutamaan kepada penyelenggaraan aset Kerajaan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan pejabat;
  - 4.1.5 bagi perolehan aset baharu atau perolehan yang memberi nilai tambah kepada aset sedia ada sama ada pertambahan dari segi jangka hayat atau fungsi hendaklah menggunakan kod akaun di bawah Objek Am 30000;
  - 4.1.6 memastikan semua permohonan peruntukan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 mengenai Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 10 Tahun 2017 supaya olahan perakaunan urus niaga dapat diakaunkan (*vot head*). Kaedah ini bagi mengurangkan aktiviti pindah peruntukan supaya dapat memberikan gambaran yang saksama mengenai program/aktiviti dan operasi yang telah dijalankan oleh kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dalam penyediaan dan pembentangan Penyata Kewangan Kerajaan peringkat kementerian dan Persekutuan;

- 4.1.7 memastikan semua peruntukan yang disediakan kepada BBP diletakkan sebagai aktiviti sendiri di bawah Program Dasar Sedia Ada, manakala Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) yang menerima peruntukan hendaklah diwujudkan aktiviti sendiri di bawah Program Khusus; dan
- 4.1.8 memastikan komitmen kewangan seperti jaminan pinjaman yang ditanggung Kerajaan, liabiliti dan komitmen *Public Private Partnership* (PPP) termasuk PPP-UKAS dikeluarkan sebagai satu Program Khusus di bawah Kod 990000 – Komitmen Kewangan.
- 4.2 Keperluan Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off* tahun 2021 perlu disediakan berdasarkan kepada Siling Indikatif (SI) yang ditetapkan oleh Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan.
- 4.3 Cadangan anggaran perbelanjaan Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off* yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan Kerajaan/agensi pusat dan keperluan kewangan yang berbangkit tersebut perlu diambil kira dalam had SI yang ditetapkan. Justeru, kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan hendaklah menyusun semula keutamaan program/projek/aktiviti sedia ada bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

## 5. Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

- 5.1 Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan hendaklah merancang keutamaan projek berdasarkan hala tuju WKB 2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 5 Oktober 2019 (dokumen boleh dicapai melalui laman sesawang <https://www.makmurbersama.my>). Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan juga dikehendaki menetapkan outcome/sasaran bagi tempoh RMKe-12 yang dapat menyumbang kepada matlamat WKB 2030.
- 5.2 Penyediaan belanjawan *rolling plan* 2021 (RP1 2021) hendaklah diberikan keutamaan kepada projek sambungan dengan mengambil kira Teras Strategik (TS) dan Pemboleh Daya (PD) WKB 2030 serta Tonggak RMKe-12. Penyediaan projek adalah berpandukan kepada rangka kerja dasar yang menjajarkan tiga dimensi utama RMKe-12 dengan WKB 2030 seperti di Rajah I.

## Rajah I Penjajaran Rangka Kerja Dasar RMKe-12 dengan WKB 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) 2030



5.3 Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan wajar memberi keutamaan kepada Dimensi Pemeriksaan Ekonomi (Tonggak 1 dan 4) yang meliputi TS1 hingga TS4 dan PD1 hingga PD6. Ini termasuk aspek tadbir urus sektor awam yang telus dan cekap, pendigitalan semua sektor ekonomi dengan teknologi Revolusi Perindustrian 4.0, mempertingkatkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan melalui penyediaan infrastruktur yang berkualiti.

5.4 Kepentingan yang sama juga harus diberi kepada Dimensi Perekayaan Sosial (Tonggak 5 dan 7) yang meliputi TS5 hingga TS7 dan PD8. Ini termasuk keterangkuman wilayah, modal sosial dan kesejahteraan sosial. Dalam hal ini, fokus adalah kepada aspek keseimbangan pendapatan dan kos sara hidup, pembangunan wilayah yang seimbang, perpaduan nasional, pemeraksanaan golongan belia serta keselamatan dan kedaulatan negara.

5.5 Selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030) dan Dimensi Kemampuan Alam Sekitar RMKe-12, permohonan projek fizikal yang baharu perlu mempunyai elemen inovasi *green building* selari dengan penekanan kepada pembangunan rendah karbon. Ini termasuk langkah bagi mencapai kecekapan tenaga elektrik dan penyediaan sistem penuaian air hujan.

- 5.6 Bagi memastikan perancangan projek baharu tahun 2021 diuruskan secara menyeluruh dengan mengambil kira pandangan pihak pemegang taruh di peringkat negeri dan keperluan sebenar kumpulan sasar semasa menyediakan senarai projek baharu, kementerian/kerajaan negeri perlu mengambil tindakan seperti berikut:
- 5.6.1 kementerian berunding dengan jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan di bawah seliaan masing-masing termasuk di peringkat negeri;
  - 5.6.2 kementerian hendaklah membincangkan senarai projek baharu RP1 dengan Kerajaan negeri menerusi Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) atau Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNg) untuk memastikan kementerian mengambil kira perancangan pembangunan di peringkat negeri dan bagi tujuan penyelarasan komitmen pihak berkuasa tanah, pihak berkuasa tempatan dan penyedia utiliti;
  - 5.6.3 Kerajaan negeri perlu mengemukakan cadangan keutamaan projek negeri kepada kementerian berkaitan melalui Bahagian/Unit Perancang Ekonomi Negeri (BPEN/UPEN) atau Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) masing-masing untuk dipertimbangkan oleh kementerian sebelum dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM); dan
  - 5.6.4 setiap projek baharu yang dipohon akan dinilai berasaskan kepada *Logical Framework Matrix* (LFM), *Creativity Index* (CI) dan *Public Sector Comparator* (PSC). PSC hanya disyaratkan untuk projek pembangunan fizikal baharu sahaja.
- 5.7 Bagi memudahkan pemantauan pelaksanaan projek fizikal dan memastikan perbelanjaan yang lebih telus, projek-projek satu baris (*one-line item project*) **tidak dibenarkan**. Setiap projek hendaklah mempunyai butiran tersendiri.
- 5.8 Keutamaan terhadap penggunaan stok tanah sedia ada dalam bank tanah kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun adalah disarankan bagi memastikan tanah sedia ada Kerajaan digunakan secara optimum dan dapat mengurangkan kos perolehan tapak baharu. Sekiranya keperluan perolehan bagi tapak baharu tidak dapat dielakkan, kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun perlu mendapatkan pandangan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG).
- 5.9 Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun perlu memastikan tiada isu tapak/tanah projek seperti setingan, bantahan penduduk dan lokasi tidak sesuai apabila membuat permohonan projek fizikal binaan (tidak melibatkan jajaran) baharu. Tapak/tanah perlu didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) dengan memperoleh pengesahan pihak JKPTG bahawa tapak bebas bebanan dan sedia untuk dimasuki.

- 5.10 Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun perlu memastikan elemen ketersediaan pelaksanaan projek (*implementation readiness*) dan projek bersifat “*cangkul ready*” diambil kira semasa permohonan projek bagi memastikan projek dapat dilaksanakan dengan segera. Ketersediaan projek hendaklah mengambil kira keperluan yang perlu disegerakan bagi kerja awalan seperti penentuan agensi pelaksana, ketersediaan tapak projek, brif projek dan persediaan makmal pengurusan nilai berdasarkan kepada Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2015.
- 5.11 Bagi pelaksanaan projek fizikal baharu, kementerian/jabatan /agensi/badan berkanun perlu merujuk kepada Jabatan Teknik terlebih dahulu selaras dengan pematuhan Arahan Perbendaharaan 182 (AP 182). Jabatan Teknik perlu membuat semakan dan perakuan agensi pelaksana projek secara dalam talian melalui Modul Jabatan Teknik dalam SPP II dalam tempoh 14 hari selepas senarai lengkap dimuatnaik ke dalam SPP II. Selaras dengan AP182, keperluan pegawai kader di semua kementerian perlu ditempatkan semula di Jabatan Teknik dengan mengambil kira peningkatan bilangan projek yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Teknik.
- 5.12 Dalam memohon projek pembangunan, kementerian/jabatan/agensi/ badan berkanun hendaklah memastikan penggunaan fasiliti/kemudahan/ruang sedia ada dioptimumkan dan dalam kebanyakan keadaan hendaklah memberikan cadangan *non-asset solution* melalui pengubahsuaian serta naik taraf fasiliti/kemudahan/ruang sedia ada sebagai langkah penjimatan.
- 5.13 Pihak kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun juga perlu merujuk kepada Garis Panduan Penyediaan RMKe-12, 2021-2025, yang bertarikh 19 Disember 2019. Dokumen boleh dicapai di laman sesawang [www.mea.gov.my/ms/garis-panduan-dan-peraturan/ projek\\_pembangunan](http://www.mea.gov.my/ms/garis-panduan-dan-peraturan/projek_pembangunan).
- 5.14 Pegawai Pengawal hendaklah memastikan maklumat projek, siling, peruntukan tahunan, tambahan/kurangan siling/peruntukan tahunan dan perbelanjaan setiap tahun perlu diisi sepenuhnya dengan tepat dan dikemas kini dalam SPP II. Semua permohonan projek 2021 perlu dikemukakan secara dalam talian melalui modul e-permohonan dalam SPP II atau sistem-sistem lain yang akan dibangunkan dari semasa ke semasa sebelum atau pada **30 April 2020** seperti mana surat UPE, JPM bertarikh 13 Mac 2020.

## 6. Aliran Tunai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2021

Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 17 Ogos 2018, aliran tunai perbelanjaan pembangunan akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan. Proses ini akan diadakan bersama-sama dengan pihak UPE, JPM, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan kementerian yang terlibat bermula pada tahun Belanjawan 2020 dan seterusnya.

## 7. Pengesahan Cadangan Anggaran Perbelanjaan

- 7.1 Pegawai Pengawal hendaklah mengemukakan secara rasmi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2021 kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan masing-masing kepada Kementerian Kewangan dengan membuat pengesahan (*sign off*) secara dalam talian melalui aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui laman sesawang [www.myresults.gov.my](http://www.myresults.gov.my). Pengesahan oleh Pegawai Pengawal perlu disempurnakan sebelum atau pada **15 Jun 2020** seperti perincian di **Lampiran A**.
- 7.2 Kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2021 kementerian/jabatan/agensi yang tidak lengkap dan tidak dibuat pemetaan dengan sempurna akan ditolak semula kepada Pegawai Pengawal untuk Kementerian membuat pindaan sewajarnya.

## 8. Perjawatan dan Penggunaan Sumber Manusia

- 8.1 Pendekatan berasaskan outcome yang menjadi teras pelaksanaan di bawah RMKe-12 bertujuan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan sosioekonomi. Fokus ke arah outcome akan membolehkan pengurusan perjawatan dan sumber manusia yang lebih efektif dan memberikan pulangan yang setimpal. Sehubungan dengan itu, Kerajaan beriltizam meneruskan usaha mengoptimumkan penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam yang telah diamalkan sejak tahun 2015.
- 8.2 Usaha-usaha pembaharuan perkhidmatan awam perlu diteruskan dengan merasionalisasikan institusi Kerajaan menerusi strategi pewajaran saiz perkhidmatan awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi. Pengurusan perjawatan perlu dilaksanakan dengan mengambil kira keutamaan untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan. Ini bermaksud setiap jawatan harus berupaya memberikan outcome maksimum sejajar dengan objektif penubuhan organisasi dan memberi nilai untuk wang (*value for money*) kepada Kerajaan.
- 8.3 Bagi mengoptimumkan perbelanjaan awam, penggunaan sumber manusia perkhidmatan awam perlu diurus secara cekap dengan mengamalkan prinsip *doing more with less for more* yang menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif. Pengoptimuman sumber manusia akan dilaksanakan dengan memastikan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan dan setiap pegawai awam yang dipertimbangkan untuk mengisi sesuatu perjawatan adalah kompeten dan keupayaannya dapat dimanfaatkan untuk memberi impak maksimum kepada organisasi, Kerajaan dan rakyat.

- 8.4 Setiap agensi awam hendaklah menjadikan audit sendiri (*self-audit*) sebagai satu amalan baik yang berterusan dalam aspek pembangunan organisasi. Setiap agensi awam hendaklah melakukan diagnosis terhadap agensi masing-masing bagi memastikan agensi terus relevan dengan keperluan semasa dan berupaya mengadaptasi perubahan persekitaran. Usaha ke arah itu termasuklah dengan menyemak dan menilai semula fungsi/peranan setiap unit/bahagian serta keperluan jawatan, meneliti kesesuaian penempatan penyandang berdasarkan gred perjawatan dan skim perkhidmatan yang diluluskan, menghapuskan pertindihan fungsi serta merekayasa proses kerja dan keperluan struktur untuk memberi outcome yang maksimum dalam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.
- 8.5 Seajar dengan hasrat kerajaan ke arah pendigitalan perkhidmatan awam, setiap agensi awam hendaklah mengenal pasti proses kerja yang boleh dilaksanakan secara digital bagi menambah keantasan penyampaian perkhidmatan dan mengoptimumkan penggunaan sumber manusia. Dasar Pengoptimuman Sumber Manusia Perkhidmatan Awam akan diteruskan dengan memperketat pewujudan jawatan baharu tanpa sebarang implikasi kewangan tambahan melalui:
- 8.6.1 kaedah tukar ganti (*trade off*);
  - 8.6.2 penyusunan semula perjawatan (*redeployment*);
  - 8.6.3 penjajaran jawatan melalui peluasan skop fungsi teras; dan
  - 8.6.4 penguatkuasaan peraturan bahawa setiap permohonan perjawatan baharu perlu disertakan dengan *Job Description* yang lengkap.
- 8.6 Selain itu, pelantikan pegawai kontrak baharu di bawah peruntukan Objek Sebagai 29000 (OS29000) tidak dibenarkan kecuali bagi penggantian atau pembaharuan kontrak pegawai.
- 8.7 Perancangan sumber manusia yang mantap bergantung kepada kualiti dan keabsahan data perjawatan yang diguna pakai. Justeru, bagi memastikan data perjawatan sentiasa kemas kini, berkualiti dan berintegriti, Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengadakan program pemeriksaan data perjawatan termasuk aktiviti *detect and correct* secara berjadual bagi setiap agensi Kerajaan yang disasarkan.

## 9. Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi

- 9.1 Laporan Belanjawan Program dan Prestasi tahun 2021 akan meliputi prestasi sebenar kementerian tahun 2019, sasaran dan sasaran disemak bagi pencapaian tahun 2020 serta sasaran pencapaian tahun 2021. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan pemantauan prestasi dibuat berdasarkan struktur Program-Aktiviti di bawah OBB yang telah dikemas kini dan dipersetujui. Kementerian perlu mengemas kini laporan Program dan Prestasi untuk Belanjawan 2021 melalui sistem MyResults dan juga secara manual mengikut garis panduan seperti di **Lampiran B** dan **B1**.

- 9.2 Laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi juga akan dibincangkan dalam Jawatankuasa Khas Penetapan KPI Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara memandangkan Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan sebagai Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan dan pencapaian kerangka keberhasilan outcome kementerian/jabatan/agensi berasaskan outcome dan KPI yang dipaparkan dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahunan atau Rancangan Lima Tahun Malaysia yang diluluskan oleh Parlimen.

## 10. Penutup

- 10.1 Cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti mengikut susunan keutamaan yang secara khususnya berlandaskan kepada *core business* dan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dan secara amnya, meningkatkan kesejahteraan rakyat di samping memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perancangan prestasi dibuat berdasarkan keupayaan sebenar kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dalam menjana output yang berkualiti dan seterusnya mencapai sasaran dan outcome yang dikehendaki.
- 10.2 Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan mengikut keutamaan dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, seterusnya mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 10.3 Pegawai Pengawal juga dikehendaki memberi perhatian serius kepada teguran audit dan mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki kelemahan serta memastikan ketidakpatuhan/kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.
- 10.4 Pegawai Pengawal perlu meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan agar pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan awam mencapai kualiti yang ditetapkan disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, serta memenuhi ekspektasi pelanggan dan pemegang taruh.



- 10.5 Pegawai Pengawal turut diingatkan supaya merancang dan menyediakan anggaran keperluan tunai dengan teliti bagi mengelak peruntukan tambahan. Unjuran keperluan aliran tunai perbelanjaan mengurus dan pembangunan hendaklah disediakan dengan tepat supaya dapat menggambarkan dengan jelas keperluan sumber bagi pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek bagi tahun yang dirancang. Kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/ syarikat Kerajaan hendaklah mengemukakan Unjuran Keperluan Aliran Tunai Tahun 2021 sebelum **31 Disember 2020** berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan yang diluluskan oleh Parlimen.

## LAMPIRAN A

**KALENDAR AKTIVITI PENYEDIAAN  
CADANGAN ANGGARAN PERBELANJAAN KEMENTERIAN/AGENSI BAGI  
TAHUN 2021**

<b>BIL.</b>	<b>AKTIVITI / TINDAKAN</b>	<b>TARIKH AKHIR</b>
1.	Permohonan projek RP1 2021 dikemukakan secara dalam talian melalui modul e-permohonan dalam Sistem Pemantauan Projek II (SPP II) atau sistem lain yang akan dibangunkan dari semasa ke semasa kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri	<b>30 April 2020</b>
2.	Mengunci masuk dan mengemas kini maklumat kerangka keberhasilan tahun 2021 ke dalam sistem MyResults	<b>15 Mei 2020</b>
3.	Pengesahan ( <i>sign-off</i> ) Pegawai Pengawal secara dalam talian bagi kerangka keberhasilan dan cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021	<b>15 Jun 2020</b>
4.	Penyampaian Laporan Belanjawan Program dan Prestasi untuk Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021 kepada Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan	<b>30 Jun 2020</b>
5.	Penyampaian Unjuran Keperluan Aliran Tunai tahun 2021	<b>31 Disember 2020</b>

**LAMPIRAN B****GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN  
LAPORAN BELANJAWAN PROGRAM DAN PRESTASI TAHUN 2021****Tujuan**

1. Kertas ini menetapkan garis panduan bagi penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang akan digunakan sebagai input untuk buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk memastikan agar laporan Belanjawan Program dan Prestasi kementerian/jabatan/agensi yang disediakan adalah selaras dengan garis panduan dan format yang ditetapkan sebelum mengemukakan kepada Kementerian Kewangan.

**Kegunaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi**

2. Laporan Belanjawan Program dan Prestasi yang dimasukkan ke dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan adalah sebagai sumber maklumat mengenai Program dan Aktiviti setiap kementerian/jabatan/agensi. Laporan ini dapat membantu Ahli Parlimen untuk memperoleh maklumat serta penerangan terperinci mengenai Program dan Aktiviti utama kementerian/jabatan/agensi.

3. Selain itu, laporan ini boleh juga digunakan oleh kementerian/jabatan/agensi sebagai bahan rujukan untuk mengetahui struktur dan kegiatan Program dan Aktiviti kementerian/jabatan/agensi yang lain. Maklumat berkenaan dapat menggalakkan kerjasama dan integrasi kerja di antara kementerian/jabatan/agensi serta membantu usaha untuk mengesan dan mengelak pertindihan Program dan Aktiviti antara kementerian/jabatan/agensi selaras dengan dasar semasa untuk mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan.

4. Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Belanjawan Program dan Prestasi juga adalah penting kerana penekanannya terhadap prestasi yang berdasarkan kerangka keberhasilan kementerian/jabatan/agensi. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk membuat penilaian awal terhadap prestasi keseluruhan kementerian/jabatan/agensi dengan merujuk kepada data perbandingan outcome utama untuk tiga (3) tahun.

**Format Bagi Penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi**

5. Penerangan mengenai setiap aspek laporan untuk Laporan Belanjawan Program dan Prestasi adalah seperti berikut:

- 5.1 **Visi:** Satu pernyataan rasmi tentang apa yang hendak dicapai oleh kementerian/jabatan/agensi dalam jangka masa panjang;
- 5.2 **Misi:** Satu pernyataan rasmi tentang matlamat kementerian/jabatan/ agensi merangkumi tujuan kewujudan kementerian skop operasi dan mekanisme pelaksanaan;

- 5.3 **Pelanggan:** Pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti kementerian/jabatan/agensi;
  - 5.4 **Outcome Kementerian/Program:** Perubahan atau kesan yang dibawa kepada masalah utama atau keperluan yang dikaitkan dengan pelanggan atau pemegang taruh;
  - 5.5 **Prestasi Outcome:** Pelaporan pencapaian prestasi outcome kementerian/program menggunakan KPI yang telah ditetapkan;
  - 5.6 **KPI:** Maklumat yang digunakan untuk mengukur pencapaian outcome;
  - 5.7 **Program dan Aktiviti:** Struktur Program dan Aktiviti kementerian adalah berdasarkan kepada pendekatan OBB. Program merupakan intervensi terancang bagi mencapai outcome. Aktiviti merupakan entiti yang menyumbang kepada pencapaian outcome sesuatu Program; dan
  - 5.8 **Fungsi Aktiviti:** Menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan.
6. Format asas serta garis panduan bagi penyediaan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi Kementerian bagi Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan adalah seperti di **Lampiran B1**.

### **Penyerahan Laporan Kementerian**

7. Satu salinan Laporan Belanjawan Program dan Prestasi Kementerian hendaklah dikemukakan dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy* yang ditandatangani oleh Pegawai Pengawal kepada:

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Pejabat Belanjawan Negara  
Aras 6, Blok Utara  
Kompleks Kementerian Kewangan No. 5,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
**62592 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Pegawai Pemeriksa Belanjawan [BRO])

Laporan ini hendaklah dikemukakan **sebelum atau pada 30 Jun 2020**.

**LAMPIRAN B1**

**VISI:** Apa yang hendak dicapai oleh Kementerian/jabatan/agensi dalam jangka masa panjang

**MISI:** Matlamat Kementerian/jabatan/agensi yang merangkumi tujuan kewujudan Kementerian/jabatan/agensi, skop operasi dan mekanisme pelaksanaan

**PELANGGAN:** Senarai pihak yang akan menerima faedah secara langsung daripada Program/Aktiviti Kementerian/jabatan/agensi

**KERANGKA KEBERHASILAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI****PRESTASI OUTCOME  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI**

**OUTCOME:** (Senarai outcome Kementerian/jabatan/agensi)

Petunjuk Prestasi Utama	2019 (Sebenar)	2020 (Sasaran)	2020 (Sasaran Disemak)	2021 (Sasaran)
-------------------------	-------------------	-------------------	---------------------------	-------------------

**KERANGKA KEBERHASILAN PROGRAM**

**PROGRAM:** (Nama Program di bawah pendekatan OBB)

**PRESTASI OUTCOME PROGRAM**

**OUTCOME:** (Senarai outcome Program)

Petunjuk Prestasi Utama	2019 (Sebenar)	2020 (Sasaran)	2020 (Sasaran Disemak)	2021 (Sasaran)
-------------------------	-------------------	-------------------	---------------------------	-------------------

**Aktiviti:** Senarai Aktiviti di bawah Program OBB

**Fungsi:** Fungsi Aktiviti menerangkan tugas dan peranan Aktiviti serta sumbangan kepada Program OBB yang berkenaan

.....  
(Tandatangan Pegawai Pengawal)